Hak Asasi Wanita Di Dalam Islam

(Oleh Maryātī Adnān)

Muktamar Pemuda Islam se-Dunia sudah berlalu pula ialah setelah berjalan seminggu lamanya dari 1 sampai 7 Januari bertempat di Karachi.

Muktamar Pemuda Islam ini sungguh lain dari yang lain. Tidak sahaja kerana yang hadir adalah pemimpin-pemimpin Pemuda Islam dari segenap penjuru dunia. Dari Barat, Timur, Utara dan Selatan ada yang berkulit warna hitam, ada yang perang, ada yang kuning langsat dan ada pula yang putih. Ada yang matanya bulat besar, hidung mancung, ada yang sepet, hidung pesek. Tidak pula, kerana jumlahnya yang besar itu, tidak kurang kurang dari 300 orang pemimpin-pemimpi pemuda yang hadir. Tidak sahaja kerana masalah-masalah dunia yang menjadi perhatiannya menunjukkan kemajuan berfikir dari Pemuda Islam. Soal sekitar politik – ekonomi, sekitar pendidikan dan kebudayaan, sekitar perhubungan antara dunia Islamiyyah, sekitar sosial dan agama mengisi acara-acara sidangnya.

Tetapi yang menjadikannya lain dari yang lain, ialah satu persoalan yang belum pernah mendapat perhatian dari muktamar-muktamar Islami sebelumnya. Juga tidak ketika muktamar-muktamar Islami dalam tahun 1950 di Karachi dahulu.

Yang menjadikan lain dari muktamar-muktamar yang lain ialah, adanya pengakuan dan penghargaan terhadap hak-hak asasi wanita seperti yang diberikan oleh agama Islam kepada wanita Islam. Suatu hal yang sudah lama dilupakan, tidak sahaja oleh masyarakat Islam tetapi juga oleh banyak wanita Islam sendiri.

Di dalam surat-surat rancangan kerja dari Muktamar Pemuda Islam se-Dunia – ini kita dapati tertulis seperti di bawah ini maksudnya:

"Dalam lapangan sosial dan urusan bahagian perempuan itu terlalulah penting sekiranya masyarakat orang Islam hendak dimajukan menurut asas keadilan dan persamaan kerana kebajikan manusia umumnya maka mustahak sekali kaum perempuan Islam bekerjasama dengan lelaki kerana menghidupkan semula kemajuan Islam. Rumah tangga itu adalah menjadi asas segala pergerakan sosial dan hal ehwal negeri, dan keburukannya atau kemajuannya sangat bergantung kepada kaum perempuan. Pendidikan anak-anak muda, pelajaran mereka itu dan latihan hati mereka ialah semata-mata dalam tangan ibu mereka. Jadinya teranglah bahawa bahagian kaum perempuan dalam hal membentuk masyarakat itu amat penting, Islam memberi kepada jenis perempuan segala hak yang boleh diberi oleh satu masyarakat yang sungguh maju walaupun hak itu ialah dapat pelajaran, bekerja memegang harta, mengundi dan lain-lain. Kita hanya mempunyai kewajipan memberi balik hak-hak yang diakui oleh Islam kepada mereka iaitu hak-hak yang telah terlepas daripada tangan mereka disebabkan oleh beberapa hal keadaan yang istimewa."

Yang termaktub di dalam surat rancangan kerja ini sungguh sangat menggembirakan. Sebab kalau kita tinjau sejarah perkembangan Islam, yakni dimulai ketika Nabi Muhammad (SAW), mulai dari memperjuangkan pekerjaan besarnya iaitu mengembangkan agama Islam, kita dapati wanita-wanita tak ketinggalan memenuhi kewajipan dengan mengerjakan bahagiannya. Bahkan perkembangan Islam ketika itu dapat dikatakan adalah usaha wanita juga.

Siapakah yang memberi ketenangan kepada batin Nabi yang sedang gentar, siapakah yang mempertebal keyakinan Nabi akan kebenaran agama Islam, ketika beliau untuk pertama kali menerima wahyu, supaya menjadi nabi. "Sītī Khadījah" bukan? Siapakah yang membantu Nabi dalam usaha memperkembang agama di kalangan umat? Bukankah Sītī Khadījah, Sītī 'Āishah, Sītī Fāṭimah jua? Siapakah mengembalikan semangat berjuang kepada tentera Nabi yang sudah payah dan setengah putus asa? Bukankah seorang wanita juga, yakni "Hindun" yang menggerakkan wanita-wanita ke medan perang untuk membangunkan semangat tentera-tentera yang sudah lemas itu.

Wanita, sekali lagi wanita. Yang tahu dan diberi hak-haknya untuk memenuhi kewajipannya sesuai dengan hak-haknya itu.

Tetapi ketika hak-hak wanita tidak dikenal lagi oleh wanita, tidak diberikan dengan sewajarnya kepada wanita maka di dalam abad kelima dari perkembangan Islam bintang umat Islam pun surutlah. Memang Islam sudah berkembang sampai memenuhi seperempat bumi. Tetapi umat yang memeluknya dikalahkan kejayaannya oleh umat pemeluk agama lain. Pada hal tidak sedemikian ini harusnya. Islam tidak bererti kemunduran, Islam adalah kemajuan. Umat Islam sendiri yang tidak kuasa memegang tampuk sinar Islam. Islam tetap dipeluknya, tetapi sebenarnya terlepas dari tangannya. Kerana kesalahan umat Islam sendiri, dan kerana wanita tidak tahu akan hak-hak asasi yang diberikan Islam kepadanya. Sebahagian kerana kealpaan sendiri, sebahagian kerana masyarakat istimewa kaum lelaki tidak memberikan kesempatan kepadanya.

Dan setelah meninjau sejarah kemajuan dan kemunduran umat Islam ini, maka tahulah kita apa yang mesti berlaku, jika kita hendak mengembalikan kejayaan Islam yang sebenarnya kepada umat Islam. Iaitu memberikan hak-hak asasi wanita Islam sehingga dengan hak-haknya itu wanita Islam dapat turut menyumbangkan tenaga dan fikirannya untuk kebangunan Islam dan umatnya.

Inilah yang telah berlaku di dalam Muktamar Pemuda Islam se-Dunia yang baharu itu. Wanita turut serta di dalamnya. Sayang tidak banyak yang dapat mengunjungi. Hanya seorang utusan wanita dari Mesir, seorang dari Indonesia (penulis), 2 orang dari Pakistan Timur, dan beberapa orang dari Pakistan Barat. Tetapi mereka semua mengambil peranan penting dalam tiap-tiap suruhanjaya yang daripada Pakistan Timur menjadi wakit Ketua Suruhanjaya Pendidikan, yang dari Mesir menjadi wakil Ketua Suruhanjaya Agama Sosial, dan penulis sendiri menjadi Ketua Suruhanjaya Wanita.



Suatu pemandangan yang indah.

- Sambungan dari muka 13

itu pencipta Gurindam Dua Belas, pahlawan yang mencuba melawan Belanda di Melaka tetapi tewas dalam pertempuran pada akhir abad kedelapan belas.

Saya tahu dan insaf bahawa pemberi *advice* pun mengetahui bagaimana luasnya pekerjaan penyalinan dari perpustakaan Arab, Parsi dan India. Hikayat Si Miskin, Bayan Budiman, Amīr Ḥamzah, Hikayat Boestamam, Bakhtiar, Mashhūd al-Ḥaq, dan berpuluh lagi yang lain. Sehingga walaupun kekuasaan yang penuh tidak ada lagi di tangan, namun ikhtiar tidaklah berhenti.

Buktinya, sampai sekarang ini payahlah menyingkirkan pengaruh bahasa Arab yang disalin atau dipinjam itu dari bahasa Indonesia. Bahasa ilmu pengetahuan, walaupun dalam pengetahuan yang terbatas; seumpama kata hakikat, syariat, ma'rifat dan tariqat seumpama kalimah "lahir dan batin" seumpama perkataan "rohani dan jasmani. Seumpama perkataan "awal dan akhir" perkataan "akal dan fikir" dan banyak lagi yang lain. Bahkan di Minangkabau kalimah, "fana'" telah menjadi bahasa daerah menjadi "pana". "Baqa'" menjadi "baka". Di Jawa "sarirah" menjadi "sariyo" dan lain-lain.

Berpuluh-puluh tahun lamanya pelajaran-pelajaran agama Islam sebagai juga pelajaran missionary mengajarkan agama dengan memakai bahasa pengantar bahasa Melayu, dengan memakai kitab-kitab Melayu lama. Sebuah tafsir bernama "*Bayḍāwī*" adalah salinan 'Abdul Ra'ūf dari bahasa Arab ke Melayu. Pada waktu saya masih kecil saya dapati tafsir ini masih dipelajari. Demikian juga Shaykhh Arshad Banjar dengan "Sabilalnya".

*

Tetapi sungguh bakal itu telah ada, haruslah kita ketahui pula kesan yang kita dapat pada perkembangan bahasa Melayu pada zaman sebelum dia dilantik menjadi bahasa Indonesia. Bahasa Melayu menjadi tiga macam:

1- Bahasa Melayu Istana

Kita tidur raja beradu, kita makan raja santap, kita mandi raja bersiram, kita duduk raja semayam.

2- Bahasa Melayu Kitab

Yakni bahasa yang dipakai menjadi saluran pengetahuan, tetapi pengarangnya tidak sanggup menguasai bahasanya sendiri, di samping mendalam pengaruh bahasa asing dalam caranya berfikir. Bahasa Melayu seperti ini terdapat dalam karangan-karangan ulama' Islam angkatan lama, yang dipengaruhi oleh nahu dan saraf bahasa Arab. Dan terdapat juga dalam karangan sarjana Indonesia didikan Barat. Pengarang-pengarang seperti ini berniat baik menebar alam, apa daya tangan tak sampai. Seumpama sindiran pantun:

"Anak landak dilesung Cina,
Makan berulang dalam perahu;
Hati berkehendak baginya gila,
Tapi menuliskan tidak tahu".

3- Bahasa Melayu Pasar

Bahasa Melayu pasar inilah pada mulanya yang berkembang menjadi bahasa Melayu umum, bahasa Melayu hubungan antara suku-suku bangsa di Indonesia. Dan maafkan saya, bahasa inilah yang dinamai Munsyi Abdullah bahasa Melayu "kacukan" (bukan kacukan, sebagai ditulis oleh penyalin "Sejarah Melayu ke Huruf Latin").

Dan bahasa Melayu ketiga macamnya inilah yang di Jakarta disalurkan dengan sebaik-baiknya. Disusun menjadi bahasa Melayu umum oleh Bali Pustaka. Dan sebelum itu dipupuk oleh Sekolah Raja Bukit Tinggi, yang menimbulkan salah seorang sarjana bahasa Melayu dahulunya, Indonesia sekarang ini, iaitu Ungku Sutan Muhammad Zayn.

Setelah melalui perjalanan sejauh ini, maka pada 28

Oktober 1928, sampailah dia dihantarkan oleh pemuda kita menjadi bahasa persatuan kita, bahasa Indonesia.

Tuan ketua!!

Sudah terlarut, saya menyebut soal ini, yakni "mencabut batang terbenam", menjelaskan fungsi (kedudukan – p) yang telah pernah diambil oleh bahasa Melayu pada zaman kejayaan raja-raja Melayu dengan dasar berfikir agama Islam. Saya berterima kasih kepada pemberi *advice*, kerana dengan tidak mengemukakan soal ini, sebenarnya beliau memberi peluang kepada saya untuk menyisipnya.

Tuan ketua!!

Sekarang saya akui, memang saya akan mendebat kepada *pre-advice*-nya pemberi *advice*. Iaitu sebagai yang tertulis dalam *pre-advice* beliau di halaman 28, baris 19 dan 20.

Kata beliau: "Apakah sebabnya untuk istilah bahasa baru orang selalu mencari kata dari bahasa Arab, pada hal bahasa Arab itu bagi kebanyakan orang Indonesia sangat asing?"

Dalam hal yang sedikit ini memang sangat berlainan pandangan saya dengan pemberi *advice*. Mungkin kerana berlain pula tempat tegak kami, sebab itu berlain pula bentuk yang dipandang, walaupun yang dipandang itu perkara yang satu itu juga.

Pada pendapat, pengalaman, pemandangan dan penyelidikan saya, bagi kebanyakan orang Indonesia bahasa Arab itu tidaklah sangat asing.

Bahkan bahasa Arab menjadi darah dagingnya, bahasa Arab menjadi hiasan bahasa Indonesianya, menjadi kembang bunga harum narwastu. Belum dia merasa puas kalau bahasa Indonesia itu tidak diberi sunting hiasan dengan bahasa Arab.

Suku Melayu sendiri, yang bahasanya telah kita lantik menjadi bahasa Indonesia, tidak keberatan menyebut jaman dengan zaman, akir dengan akhir, fitnah fatnah, dan fasih lidahnya membaca.

Di Tanah Jawa bahagian Banten, Sunda, Pesisir Utara Pulau Jawa, sejak dari Cirebon, Baribes, Pemalang, Tagal, Pekalongan, sampai ke Demak dan Kudus dan Jepara. Tidaklah "sangat asing" bahasa itu bagi mereka.

Di sana suku Jawa lebih suku memakai nama bahasa Arab, daripada bahasa Jawa. Sebagai *mashkūr*, *muqaddam*, dan lain-lainnya.

Hanya sedikit sekali yang merasai bahasa Arab itu sebagai bahasa yang asing bagi mereka. Sehingga jika dia dipilih untuk memilih istilah baharu, untuk pengganti istilah ilmu pengetahuan Barat, bersyukurlah mereka menerimanya. Sebagai misal, kata-kata "sebab dan akibat", lebih cepat mereka terima sebagai ganti daripada "*oorzak* dan "*gevolg*.

* * *

Sungguhpun demikian tuan ketua!!

Saya sudah pergi bertanya, sebab "malu bertanya sesat jalan". Saya telah bertanya kepada salah seorang anggota dari Komisi Istilah Bali Bahasa Kementerian P.P.K. iaitu saudara Sutan Muḥammad Sa'īd. Saya bertanya: "Benarkah untuk istilah baharu orang selalu mencari kata dari bahasa Arab?"

Lalu saudara itu menjawab: "Bukanlah begitu duduknya soal! Telah menjadi prinsip bagi Komisi Istilah bahawasanya, di dalam mencari ganti kata bahasa Barat. Kami terlebih dahulu mencari timbal katanya dalam bahasa Melayu. Kalau tak ada dalam bahasa Melayu, kami cari dalam bahasa-bahasa daerah, kalau ini pun tak ada, kami cari dalam bahasa tetangga. Yang kerap kali kami maksud dengan bahasa tetangga itu, ialah dua. Pertama, bahasa Sanskrit kedua bahasa Arab. Kedudukan keduanya itu sama.

Maka mafhumlah saya mendengar jawapan saudara itu bahawa keadaan tidaklah sebagai yang disangka oleh pemberi *advice*. Cuma, kalau sekiranya terkadang terbanyak bahasa

Arab diambil dari bahasa Sanskrit, dapatlah kita fahami mengapa jadi demikian. Sebab pengaruh bahasa Arab sampai sekarang di Indonesia, sebagai bahasa yang tetap hidup, jauh lebih besar daripada bahasa Sanskrit, lebih-lebih jika kita ingat bahawa di belakang kedua bahasa itu berdiri dua agama besar. Sanskrit bersandar kepada Hindu. Dan Arab bersandar kepada Islam.

Ada pun anjuran beliau bahawasanya bahasa Jawa akan berguna sekali untuk memperkaya perbendaharaan kata-kata Indonesia, dengan salah satu alasan penting, iaitu untuk mengontrol perkembangan bahasa, supaya dia terhindar dari pengaruh bahasa Barat, "oleh mana" dapat dikontrol, kerana dalam bahasa Jawa tidak ada "dening endi"; saran yang demikian itu dapat juga saya terima. Meskipun sebahagian. Sebab saya pun maklum, bahawa dalam bahasa-bahasa daerah yang lain pun cukup tersimpan kekayaan itu, yang akan memperkaya bahasa Indonesia, pengayaan bahasa Indonesia dengan bahasa Jawa selama ini, belumlah tentu kerana ketinggian kebudayaannya sahaja, tetapi ada lagi sebab yang lain, iaitu banyaknya sarjana bahasa Indonesia yang berasal dari suku Jawa sekarang ini, yang kadang-kadang perkataannya menjadi dalil yang tak dapat ditolak. Maka bila mana dari suku-suku lain pun telah tampil pula sarjana-sarjana bahasa Indonesia yang mendalam pula dalam bahasa daerah sendiri, sejalan dan sekali tumbuh dengan pujangga dan penyairnya saya percaya bahawa pada waktu itu kelak akan lebih kayalah bahasa kita, kerana keindahan terpendam telah dibongkar dan dibawa menjadi kekayaan bersama.

Ingat sahaja kata "sari batang" di Makassar. Alangkah indahnya perkataan itu, lebih indah dari kata "saudara" sebab batang ertinya ialah tubuh, dan sari ertinya inti: Sari batangku, sisi badanku!

Demikian juga kata "Horas" di Tepanoli.

Dengan kata singkat, "Horas", orang Indonesia di Tepanoli telah dapat mengumpulkan seluruh rasa hatinya, mengucapkan selamat bagi temannya.

Dan lagi apabila suku Melayu* yang bahasanya telah dilantik menjadi bahasa kebudayaan Indonesia baharu, bahasa persatuan suatu bangsa besar, bahasa yang akan berpengaruh di seluruh Asia Tenggara, bila mana mereka telah giat kembali belajar di atas alun dan gelombang perubahan zaman, saya yakin, mereka akan tetap turut memegang kendali perkembangan bahasa Melayu dalam rumahnya yang baharu; "Sehingga besarlah hatinya melihat kemegahan dari bahasa yang dipusakainya, bahasa yag mulai didengarnya sejak dia dalam ayunan bondanya.

Dan boleh ia menyorakkan kembali sorak Hang Tuah: "Tidak Melayu hilang di bumi".

Sekianlah pendapat saya tentang *pre-advice* Dr. Priyohotomo, yang meskipun berbeda tempat tegak, tetapi tempat kami menuju hanya satu: Bahasa Indonesia, hidup dan suburlah!

Terima kasih tuan ketua.

* * *

---

* Ketika debatan ini dibacakan, pendebat menyisip katanya pula; "Sebenarnya kalau ditilik perjalanan sejarah tidaklah begitu tepat jika saya menyebut "suku" Melayu, kerana pada tingkat pertama, seluruh suku-suku bangsa Indonesia ini telah dinamai "Melayu". Pulau-pulau Indonesia ini dinamai "Pulau-pulau Melayu". Bahasa yang dipakai di seluruh Indonesia ialah bahasa Melayu. Raja-raja Riau yang giat memajukan bahasa Melayu ialah keturunan Bugis. Kemudian masyhurlah nama Melayu itu menjadi nama Jawa, atau Jawi. Huruf Melayu dinamai huruf Jawi. Di seluruh Timur Tengah sampai ke Turki, seluruh bangsa kita, sejak dari Singapura sampai Merauke, dinamai "bangsa Jawa"; Jawa Ambon, Jawa Madura. Jawa Merauke, Jawa Padang dan lain-lain. Dan dalam zaman ini kita dinamai bangsa Indonesia, dan bahasa Melayu menjadi bahasa Indonesia.

Kesimpulan:

Ketika Doktor Priyohotomo memberikan jawabnya, dia berkata: “Bahawasanya debat saudara HAMKA itu tidaklah mengenai pokok soal. Kerana dia hanya menerangkan “Sejarah Islam”, tentu sejarah memang ada sangkutnya dengan bahasa, tetapi pendebat tidak menyatakan perkembangan bahasa.

HAMKA menjawab: “Dalam *pre-advice* itu sendiri pun memang tersebut sejarah, memang perkembangan suatu bahasa tidak dapat dipisahkan sedikit juga dengan sejarah. Satu setengah halaman pemberi *advice* menguraikan sejarah bahasa Melayu sejak zaman Srivijaya. Dan dari Srivijaya terus langsung sahaja kepada masuknya Portugis ke Melaka, dan menyatakan kegiatan badan penyiaran agama Katolik (Portugis) dan Protestan (Belanda) ke Maluku. Perkembangan bahasa Melayu zaman Melaka yang 100 tahun, entah di sengaja entah kerana tidak tahu, tidaklah diterangkan. Kesalahan yang besar inilah yang saya perbaiki.

Tentang *advice* menganjurkan masuknya pengaruh bahasa Jawa lebih banyak ke dalam bahasa Indonesia, pendebat (HAMKA – P) menjelaskan sekali lagi, bahawa hal ini tidak perlu diputuskan. Kerana usaha memasukkan pengaruh bahasa Jawa itu, meskipun tidak diputuskan, sudahlah lama terasa. Bahkan kadang-kadang bagi suku Melayu sendiri telah menimbulkan prasangka yang bukan-bukan. Apatah lagi jika dihubungkan dengan suatu ketentuan bagi anak-anak yang dapat luas di S.M.A. ialah yang lulus dalam ujian bahasa Jawa kuno, dan tidak tersebut luas ujian dalam bahasa Melayu kuno.

Akhirnya pendebat (HAMKA – P.) menekankan lagi, bahawasanya *pre-advice* Doktor Priyohotomo yang berisi pertanyaan mengapa orang terlalu lekas mengambil bahasa Arab untuk mengertikan bahasa lain dalam ilmu pengetahuan kepada bahasa Indonesia, pada hal bahasa Arab sangat asing bagi kebanyakan bahasa Indonesia, nyatalah bahawa hal ini dari kurang penyelidikan pemberi *advice*. Terutama lagi setelah dalilnya disandarkannya kepada pendapat Profesor Zutmulder (lihat Hikmah nombor 12) Prof. Zutmulder sebagai seorang sarjana Katolik yang besar di zaman ini, sudah pasti tidaklah menyelami benar-benar bagaimana besar pengaruh bahasa Arab itu pada kebanyakan bangsa Indonesia.

Doktor Priyohotomo sempat pula menjelaskan pendapatnya. Bahawa yang dimaksudkan bukanlah menghilangkan pengaruh bahasa Arab, melainkan dia kesal kerana kerap kali orang memindahkan bahasa Arab ke dalam bahasa Indonesia. Dengan huruf-hurufnya yang berat dan belum dikenal seumpama kalimat “*Mu‘āwanah*” sebagai terjemahan dari “Koperasi”. Dia hanya meminta jangan terlalu terburu-buru menterjemah ke bahasa Arab, kalau dalam bahasa Melayu atau bahasa daerah masih ada terjemahan itu. Dan dengan senyum jujur dia mengulas lagi: “Kalau ada bahasa Arab yang musykil saya fahamkan dan dipakai dalam bahasa Indonesia tentu saya akan bertanya kepada saudara HAMKA. Apa erti dan maksudnya”. Saudara HAMKA menyanggupi.

Setelah itu debat pun diselesaikan, dan segera diambil kesimpulan.

****

‘Umar Ibn al-Khaṭṭāb

Penggal ketiga sedang dicetak

Qalam

356 – 358, Geylang Road, Singapore 14.

==========